

Headline	Pelajar diajak sayangi alam		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	20 May 2013	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	324,097
Page No	V8	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	302 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,154
Frequency	Daily	PR Value	RM 33,461



Pelajar diajak sayangi alam

Majlis Perkayuan Malaysia (MTC) menyertai Sidang Kemuncak Kepimpinan Belia Alam Sekitar Sri Aman (SAEYLS) 2013, baru-baru ini.

Bertemakan 'BELIA - Pemimpin Masa Depan Lebih Hijau', SAEYLS 2013 yang dianjurkan SMK (Perempuan) Sri Aman, Petaling Jaya, Selangor disertai 80 pelajar dari lapan sekolah berprestasi tinggi di seluruh negara termasuk Indonesia dan India.

Pengarah Kanan Bahagian Komunikasi & Pelabu-

ran MTC, Suria Zainal berkata, melalui persidangan itu, peserta didedahkan fakta dan perangkaan saintifik mengenai ciri kayu sebagai bahan bangunan mesra alam.

"Bukan saja untuk menambah pengetahuan, malah memberi peluang kepada peserta menguji kemahiran menghasilkan barangan daripada bahan buangan.

"Kami mahu melihat generasi muda lebih prihatin mengenai pemuliharaan alam sekitar," katanya.

Pelajar turut melawat ke

Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) untuk memberi peluang pelajar merasai pengalaman menyusuri hutan bandar Malaysia yang ditanam.

Wakil Indonesia, Felicia Rachmadiana berkata, dia gembira dengan pengalaman diperoleh dan menyuburkan minatnya terhadap alam sekitar.


"Banyak pengalaman baru saya tempuhi dan ia pengalaman menguja dan menyeronokkan," katanya.

Rakannya, Sabrina Khairunnisa Anwar men-

gaku program itu cukup bermanfaat dan memberi peluang melihat negara serumpun.

"Antara Malaysia dan Indonesia, banyak persamaannya. Berpeluang berjumpa mereka bukan saja mengeratkan lagi jalinan sedia ada, malah memberi peluang melancang bersama alam semula jadi," katanya.

SAEYLS 2013 diilhamkan Kelab Eco-Rangers SMK (P) Sri Aman sebagai projek diterajui pelajar bagi menyebarkan kesedaran mengenai alam sekitar.



MENELUSURI alam semula jadi yang mendamaikan.

Headline	Pelajar diajak sayangi alam		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	20 May 2013	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	324,097
Page No	V8	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	302 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,154
Frequency	Daily	PR Value	RM 33,461



GEMBIRA bergambar kenangan selepas mengakhiri lawatan di FRIM.